

Newspaper	Berita Harian
Date	28 May 2015

# 'Jadikan Malaysia buah mulut'

» *Khidmat terbaik kepada pelawat lonjak industri pelancongan*

Oleh **Luqman Arif Abdul Karim**

luqman.arif@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

**D**atuk Seri Najib Razak mahu seluruh rantaian penyedia perkhidmatan memainkan peranan lebih dinamik bagi melonjak industri pelancongan negara.

Perdana Menteri berkata, strategi itu selaras matlamat menarik kemasukan 36 juta pelancong luar, menjelang tahun 2020 dengan nilai perbelanjaan RM168 bilion.

Beliau berkata, Malaysia disenaraikan antara destinasi pelancongan paling menarik

untuk dilawati dan sukar di tandangi negara lain.

"Selain kekayaan kepelbagaian biologi seperti flora, fauna, bukit-bukau, pesisiran pantai yang mempesonakan, negara kita mempunyai kemudahan berkelas dunia seperti pusat beli-belah antara terbaik di dunia.

"Jika nak buat perbandingan kualiti dan harga, Kuala Lumpur antara pusat beli-belah paling mencuri tumpuan dunia sehingga ada yang sanggup berkunjung dari jauh semata-mata nak merasai pengalaman tawar-menawar di Malaysia.

## **Beri layanan terbaik**

"Justeru, setiap rantaian penyedia perkhidmatan merangkumi pemandu teksi, hotel, kastam, imigresen perlu memberikan layanan terbaik supaya Malaysia menjadi buah mulut sebaik pelancong pulang ke negara mereka," katanya pada ucap-tama pelancaran Agenda Majlis Pelancongan Kebangsaan Malaysia (NTCM) 2015/2016,

di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam tadi.

Yang turut hadir, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron; Presiden NTCM, Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsudin; bekas Menteri Pelancongan, Datuk Seri Azalina Othman.

## **Buka lembaran baharu**

Najib turut menyuarakan harapan penjenamaan semula NTCM kepada Majlis Pelancongan Malaysia (MyTC) berupaya membuka lembaran baharu, sekali gus merencanakan promosi industri pelancongan negara di persada dunia.

**"Budaya untuk beri perkhidmatan terbaik dan penuh sopan-santun kepada pelancong luar negara perlu diterapkan"**

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

"Budaya untuk beri perkhidmatan terbaik dan penuh sopan-santun kepada pelancong luar negara perlu diterapkan. Jangan setiap kali kita lihat pelancong asing, ia adalah peluang untuk raih keuntungan berlebihan pula.

"Contohnya, pemandu teksi tidak menggunakan meter dan memberi layanan kasar serta tidak berbudi bahasa kepada pelancong sampai mereka kata taubat nak datang Malaysia lagi," katanya dalam nada berseloroh.

Perdana Menteri berkata, peruntukan RM1 juta yang di-salurkan kepada MyTC perlu digunakan secara maksimum untuk merencana pelbagai strategi promosi, selain memperkasa perkhidmatan kepada pelancong.

Katanya, sokongan MyTC memperkukuh promosi pelancongan di Malaysia akan terus melonjak kadar pertumbuhan tahunan purata industri berkenaan yang kini sekitar 12 peratus setahun, sejak tahun 2004.